# PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

DISEDIAKAN OLEH :

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Amaran rombak pengurusan kanan** |
| **MUKA SURAT** | **7** |

# Amaran rombak pengurusan kanan

## Air Selangor hadapi tindakan jika gagal pulih bekalan ikut jadual

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pengurusan kanan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) wajar dirombak jika masalah gangguan bekalan air di Lembah Klang pada 23 Julai ini tidak diselesaikan mengikut jadual.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago, berkata Air Selangor perlu mengambil perhatian serius terhadap gangguan bekalan air yang menjejaskan ribuan pengguna itu.

"Kami sudah berbincang iaitu jika bekalan air tidak dapat disalurkan (kepada pengguna) selepas jam 9 malam (23 Julai), SPAN akan meminta Menteri Besar Selangor (Amirudin Shari) membuat rombakan pengurusan Air Selangor.

"Ini amaran kita kepada Air Selangor. Kita harap tindakan serius diambil mereka untuk menyelesaikan masalah gangguan ini mengikut jadual," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Klang, berkata kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) tidak dibuat sewenang-wenangnya, sebaliknya dilakukan untuk meningkatkan rizab air terawat di Selangor.

Katanya, margin rizab air di Selangor ketika ini semakin kecil dan memerlukan usaha untuk ditingkatkan bagi menambah keselesaan kepada pengguna, di samping memenuhi permintaan domestik.

"Rizab margin air di Selangor ketika ini sangat rendah iaitu dalam dua peratus, justeru projek yang dinyatakan itu akan meningkatkan kapasiti rizab margin pada Januari tahun depan kepada 8.7 peratus.

"Bila rizab margin rendah, ada kerja penutupan loji dan sebagainya, tidak ada alternatif sumber untuk gantikan air yang ditahan.

"Sekiranya rizab tinggi atau berlebihan dan air dapat disalurkan, kesannya tidak terlalu besar," katanya.

Beliau berkata, SPAN sudah menetapkan supaya setiap pengendali air di semua negeri memastikan rizab margin air mereka berada pada tahap 20 peratus.

Dalam pada itu, Charles berkata, SPAN akan memantau secara dekat kerja penambahbaikan LRA SSP1 minggu depan.




***Charles pada sidang media selepas*** *Sidang Dewan Rakyat, di Bangunan Parlimen, semalam.* [Foto Saifullizan Tamadi/BH]

**KERATAN AKHBAR**
**18 JULAI 2019 (KHAMIS)**

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Selenggara aset air secara berjadual** |
| **MUKA SURAT** | **61** |

# Selenggara aset air secara berjadual

## Langkah elak kerosakan lebih besar, gangguan bekalan: MB Selangor

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Klang:** Kerja penyelenggaraan terhadap aset air di Selangor perlu dilakukan secara berjadual bagi mengelakkan kerosakan lebih besar dan membawa ketiadaan bekalan air untuk tempoh lama.

Menteri Besar, Amirudin Shari, berkata kerja penyelenggaraan dan naik taraf aset air seperti paip dan Loji Rawatan Air (LRA) perlu dilakukan berikutan ia sudah bertahun tidak diselenggara.

Beliau berkata, kerja penyelenggaraan secara berjadual hanya dapat dilaksanakan kerajaan negeri selepas pengambilalihan perkhidmatan bekalan air di negeri ini, tahun lalu.

"Sebab itu kita umumkan (penyelenggaraan) berjadual, kalau yang pecah itu (ia) disebabkan benda tidak terkawal.

"Bila berjadual, kita ada rancangan berapa lama (paip boleh bertahan dan perlu diperiksa lagi) dan sebagainya.

"Saya perlu dapatkan perincian daripada SPAN (Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara). Amirudin berkata, SPAN ada hak kerana jika mahu melakukan penyelenggaraan atau henti tugas, pihaknya kita harus mendapatkan kebenaran SPAN.

"Daripada perspektif penduduk memang betul, tetapi kalau kita biarkan tanpa penyelenggaraan, (paip) pecah atau kerosakan kepada loji rawatan air, kesannya lebih banyak. Mungkin bukan tiga hari, mungkin berminggu kesannya," katanya selepas merasmikan Wacana Perbandaran Rendah Karbon ke arah Bandar Pintar Selangor 2019, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK) Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Amirudin berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Pengerusi SPAN, Charles Santiago, semalam bahawa Pengurusan kanan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) wajar dirombak jika masalah gangguan bekalan air di Lembah Klang pada 23 Julai ini tidak diselesaikan mengikut jadual.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata, walaupun lima agensi di Selangor mendapat pujian dalam Laporan Ketua Audit Negara yang baru diumumkan Isnin lalu, ada beberapa institusi di negeri itu turut menerima teguran.

"Laporan Ketua Audit Negara juga menegur beberapa institusi antaranya Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) yang kita sudah ambil tindakan sebenarnya," katanya.



***Amirudin melawat ruang pameran*** *selepas merasmikan Wacana Perbandaran Rendah Karbon ke arah Bandar Pintar Selangor 2019 di Klang, semalam.*
[Foto Roslin Mat Tahir/BH]

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Stadium dijangka penuh** |
| **MUKA SURAT** | **77** |




***Abd Karim** dan kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam pada Majlis Penyerahan Tiket Piala Sultan Selangor 2019 di Majlis Bandaraya Shah Alam.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

*Piala Sultan Selangor*

## Stadium dijangka penuh

### Penganjur sudah terima banyak tempahan tiket

Oleh Ruwaida Md Zain
bhsukan@bh.com.my

**Shah Alam:** Kira-kira 70,000 penonton dijangka membanjiri Stadium Shah Alam bagi menyaksikan perlawanan bola sepak Piala Sultan Selangor pada 24 Ogos ini.

Pengerusi penganjur, Tan Sri Abd Karim Munisar berkata, beliau menjangkakan sambutan hangat diberikan memandang sebelum tiket dijual, pihaknya sudah menerima banyak tempahan daripada pelbagai pihak.

"Semangat penyokong pasukan kita berkobar-kobar, apatah lagi tahun lalu kita memenangi tiga trofi, bawah 16, veteran dan Pilihan Selangor.

"Saya berharap tahun ini juga kita dapat mengekalkan ketiga-tiga piala itu walaupun Singapura begitu bersungguh-sungguh untuk membawa pulang piala itu.

"Saya yakin dengan sokongan dan maklum balas daripada semua pihak, kita jangka Stadium Shah Alam akan penuh dengan penyokong kita dan dengan semangat itu, piala kekal milik kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan tiket perlawanan itu di Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), semalam.

Yang turut hadir, Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim.

Karim berkata, MBSA menjadi lokasi pertama promosi perlawanan itu, diikuti pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di Selangor dan lokasi lain.

"Terima kasih kepada Datuk Bandar Shah Alam dan anggotanya yang memberikan kemudahan, esok (hari ini) kami akan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), seterusnya Sepang, Klang dan jelajah ini mengambil masa dua minggu.

"Sabtu ini saya akan bertemu semua persatuan penyokong dan selepas itu kempen promosi dengan orang awam.

"Tiket pula akan mula dijual minggu ini. Dalam jelajah promosi, kita akan beritahu di mana dan bila tiket boleh dibeli," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **Newstraitstimes** |
| **TAJUK BERITA** | **SPAN issues warning over water supply restoration by July 26** |
| **MUKA SURAT** | **13** |

AIR SELANGOR

## SPAN issues warning over water supply restoration by July 26

**KUALA LUMPUR:** The National Water Services Commission (SPAN) will call for changes in Air Selangor's senior management if it fails to restore water supply to all three million consumers in the Klang Valley by next Friday as promised.

SPAN chairman Charles Santiago said it would recommend the change to the Selangor menteri besar as the issue was a matter that affected millions of consumers.

"If by 9pm on Friday (July 26), all affected consumers do not receive water supply, SPAN will request the Selangor MB to make a management change at Air Selangor. This is a warning," he said at the Parliament lobby yesterday.

Santiago said the repairs and upgrade at the Sungai Selangor Water Treatment Plant (WTP) Phase 1 were unavoidable as the facility had been functioning 24/7 for the past seven years.

"It's like a car which needs to be serviced after every 5,000km or 10,000km to avoid disruptions such as leakages or problems to the engine.

"The WTP facility has been running non-stop for the past seven or eight years. It needs to be serviced too.

"We understand the people's anger, but we urge them to understand the problem. SPAN will also monitor the situation on-site."

Santiago said the repairs and upgrade were for the betterment of Klang Valley residents.

"Water reservoir capacity in Selangor stands at only two per cent, but in reality, we need 20 per cent if any untoward incident happens.

> *If by 9pm on Friday (July 26), all affected consumers do not receive water supply, SPAN will request the Selangor MB to make a management change at Air Selangor.*
>
> **CHARLES SANTIAGO**
> SPAN chairman

"Hopefully by the end of the year, the water reservoir will go up to 8.7 per cent following the repairs, and the availability of other new water treatment plants, such as the Langat 2 facility."

Santiago said repairs and upgrading would start at 9am on July 23 and would take 12 hours to complete.

"The total disruption is 84 hours, as it takes time for the water to flow back to the homes after the work is completed.

"Some houses may get the water earlier, but it depends on their geography and elevation," he said.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) yesterday said 758 areas in Petaling, Klang, Shah Alam, Gombak, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Kuala Selangor, and Kuala Langat would be experiencing a scheduled water supply disruption between 36 and 84 hours from 9am on July 23.




*Charles Santiago (right) speaking at the Parliament lobby in Kuala Lumpur yesterday.* PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **Newstraitstimes** |
| **TAJUK BERITA** | **70,000 fan for Sultan Selangor’s Cup** |
| **MUKA SURAT** | **79** |

FOOTBALL

## 70,000 fans for Sultan Selangor’s Cup

**MORE** than 70,000 fans are expected to pack the Shah Alam Stadium to the brim for the annual Sultan of Selangor’s Cup on Aug 24.

Tournament chairman Tan Sri Abd Karim Munisar expects a good turnout as they have received many ticket orders from several parties.

“Fans here are excited following Selangor’s success of winning all three titles last year,” said Karim after the handing over of tickets ceremony at the MBSA auditorium in Shah Alam yesterday.

Last year, Selangor defeated Singapore in the Under-16, Veterans and the Sultan of Selangor’s Cup matches.

“I hope this year our Selangor teams will be able to retain all three crowns. Singapore will come prepared to try and wrest the titles.”

Yesterday, Karim handed over the Sultan of Selangor’s Cup tickets to Shah Alam mayor Datuk Haris Kasim and members of the MBSA football team.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Wet markets not up to the mark** |
| **MUKA SURAT** | **2** |




Although there is a refuse room at Pasar Pandan Jaya, it is not open during operation hours and rubbish is dumped indiscriminately outside.
— Photos: LOW LAY PHON/The Star

# Wet markets not up to the mark

## Traders and customers unhappy about design and layout of three upgraded facilities in Ampang


By SHALINI RAVINDRAN
and YOSINI DEVI
shaliniravindran@thestar.com.my


IT HAS been three weeks since traders at the Pasar Pandan Jaya, Ampang moved into their brand new building, but they and customers have already identified several design and layout flaws at the new market.

The market is one of three that have been rehabilitated by the Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ), with funds from the Federal Government in 2016.

Some RM18mil was allocated to upgrade four markets in total with wastewater treatment plants installed as part of the plan to keep rivers clean under the River of Life (RoL) project.

The markets that have been upgraded are Pasar Kuala Ampang, Pasar Pandan Jaya and Pasar Tasek Tambahan while work on Pasar Pekan Ampang is expected to start by next month.

However, traders and customers lament that even the other markets have issues that have not been settled.

The Pandan Jaya market is now a two-storey complex while the other two are single-storey facilities.

Currently, only the ground floor of the Pandan Jaya market is occupied with 88 stalls.

Several traders said that there was not enough space to accommodate the number of stalls and customers.

"The lanes between the stalls are too narrow and because there are stalls on both sides, it becomes 'blocked' when customers stop to purchase goods," said a trader.






A manhole covered with discarded signage and rotting piece of wood at the Pasar Pandan Jaya. (Right) The lanes between the stalls are too narrow at Pasar Pandan Jaya.

### Slippery when wet

Another trader pointed out that the floors were slippery when wet, which was a safety hazard.

"This is a wet market, of course, the floors are going to get wet as we deal with fresh fish and meat.

"It does not make sense that this was not taken into account when they were selecting the type of flooring," she said.

*StarMetro* reader YS Chan described the Pandan Jaya market as a disaster waiting to happen despite the long time taken to complete the building.

He pointed out that the interior of the market has split levels connected by low stairs.

"These are huge obstacles to elderly folk as many can barely balance themselves climbing up and down the steps," he said.

Chan added that the concrete stalls are poorly laid out, with traders operating next to the open sides using the walkway behind them as their own private space.

"I was stopped abruptly when a woman operating a fruit stall told me not to walk behind where she was seated.

"Passers-by or first timers would be under the assumption that the market was still under construction because of the broken sidewalk.

"Pieces of thin and decayed plywood are used to cover manholes instead of proper eovers.

"The Pandan Jaya wet market should serve as a good example of how not to design a wet market," he said.

Shockingly, plastic colanders are being used to trap waste from the outlets.

### Poor layout

Although Pandan Jaya Market Association chairman Lee Kam Ngow commended MPAJ for resolving some issues, there are still problems that need to be addressed.

"MPAJ installed handrails beside several staircases but have not resolved the rubbish issue.

"There is a refuse room which should be opened during operating hours but isn't.

"Now, rubbish is being thrown haphazardly," she said.

While traders at the 60-year-old Pasar Kuala Ampang were generally satisfied with their new market, they said the concrete table tops were too high.

"The stalls were built too high, above waist level and it is difficult to reach across the width of the stall.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Wet markets not up to the mark** |
| **MUKA SURAT** | **3** |







A vendor at Pasar Kuala Ampang has to use a makeshift platform as the concrete tabletops were built too high. (Right) The wastewater treatment plant at Pasar Tasek Tambahan.






Traders at the 60-year Pasar Kuala Ampang which was recently upgraded, say there is still room for improvement.

"When we want to 'chop' meat and fish, we have to use makeshift platforms," trader BL Lee said.

He hoped MPAJ could remedy the situation soon as it was hazardous to their safety.

"Otherwise, we are glad that the market was upgraded after many years," he added.

## Making improvements

MPAJ's Valuation and Property Management Department director Khairulazmi Abd Rahman said the issues and problems highlighted would be tackled on a case-by- case basis.

"It is only less than a month since traders moved into the Pandan Jaya market, so it is still in the trial run phase.

"The layout will be rearranged if needed based on traders' feedback," he said.

On the use of plastic colanders to trap waste, Khairulazmi said there were two screeners placed at the drains that were supposed to filter out any food waste.

"But, this will be looked into," he said.

However, Khairulazmi added that most of the upgrading was done with consultation from the traders before work started.

"There had not been any disagreements over the design before we started so it would be costly to now have to make any design changes, particularly to the split levels," he said.

## Better waste management

Updating on the long delayed Pasar Pekan Ampang, Khairulazmi said that the project was finally set to take off by next month.

Work on the new market had been delayed as traders and MPAJ could not come to an understanding on their temporary relocation during the construction period.

"Traders will be moving to a temporary site nearby and the old market will be demolished," said Khairulazmi, adding construction was expected to take 12 months.

Among the facilities to be included in the upgrading, he said, would be increased parking lots, and improving the drainage, sewerage and rubbish disposal areas.

On the treatment plant for wastewater, he said the system would improve the quality of water channelled to the river.

"Before this, effluent from the market was channelled directly into the drains and flowed into our rivers.

"The new process involves the collection of wastewater which will go through solid waste, oil and grease removal and a treated water basin before being discharged into the drain," said Khairulazmi.



Customers say the split level at Pasar Pandan Jaya makes it dangerous to walk.



Traders have to use plastic colanders to trap waste at the Pasar Pandan Jaya.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **New lease of life for 61-year-old playground** |
| **MUKA SURAT** | **4** |



Some of the park's original structures would be retained and new equipment installed. — Photos: S.S.KANESAN/The Star

## New lease of life for 61-year-old playground

### One of PJ's oldest parks to be upgraded at a cost of RM210,000

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

RESIDENTS in Section 11 Petaling Jaya are a happy lot as their 61-year-old playground will finally be upgraded in three months' time.

Upgrading works are supposed to be completed by Oct 22 and will cost the Petaling Jaya City Council (MBPJ) RM210,000.

Hidden between the Federal Highway and the Section 11 neighbourhood, the 0.8ha park which is currently equipped with only a slide and swing set, used to be filled with children from the neighbourhood.

It was, however, left abandoned after the children grew up and moved out, leaving only the elderly folk. The area now has about 330 households.

"Since the children moved out, this park and playground has not been used for many years," said Residents Association (RA) committee member Dr Harcharan Singh.

The 76-year-old, who has been living there for over 30 years, said not many residents have been using the facility and he hopes things will change once it is upgraded.

"Sometimes residents do exercise there at night after work but it is really dark as there are no lights.

"They have seen people drinking here at night," he said.

Harcharan added that once the park is upgraded, residents will also have a vegetable garden at one corner.

During a site visit, MBPJ councillor Kavin K. Thayalan said some of the playground's original structures would be retained and given a fresh coat of paint with missing parts replaced.



Rajiv (left) discussing the upgrading of the Section 11 playground with Kavin.

A new ramp would be installed for senior citizens and the disabled and a new jogging track built, he added.

"This old park has huge trees that have roots which have grown above ground. We will have to level the ground," he said.

In addition to the playground, MBPJ will also instal new benches, exercise equipment, lighting and fencing.

"The application to upgrade this park was submitted to MBPJ last year and was approved to be included in this year's budget," he said.

Kavin added the park had not been upgraded previously because MBPJ had prioritised other residential parks that had a higher population.

MBPJ also has a long list of parks to be upgraded based on requests submitted by residents.

Bukit Gasing assemblyman Rajiv Rishyakaran said the park was one of 40 green spaces in his constituency that had not been upgraded for a long time.

It is also the only green lung in the Section 11 neighbourhood, he added.

"After the upgrading, I hope more residents will make use of the facilities," he said.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **STAR METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **‘water cuts at clinic due to low pressure’** |
| **MUKA SURAT** | **4** |

# ‘Water cuts at clinic due to low pressure’


## ‘Give us water, not excuses’
Health clinic patients say their basic right to water supply should be addressed once and for all

StarMetro’s report on Monday.

THE Kuala Lumpur and Putrajaya Federal Territories Health Department said low pressure was the cause of frequent water disruptions at the Klinik Kesihatan Kampung Pandan in Kuala Lumpur.

In a statement, department director Dr Param Jeeth Singh Pakar Singh said the clinic experienced water cuts since the middle of last year because of low water pressure in the Kampung Pandan area.

“In addition, water disruption became more frequent since the Setiawangsa-Pantai Expressway (SPE) project started.

“Among the actions taken by the health department and health office were installing a 1,000 gallon water tank within the clinic premises in December last year. However, it still did not resolve the problem due to the low water pressure,” said Dr Param Jeeth.

“Water is also stored in an aluminium water tank for the clinic’s use.

“The clinic staff took the initiative to request supply from Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) periodically to address the problem.”

The department issued the statement in response to *StarMetro*’s frontpage story “Give us water, not excuses” on July 15.

Patients of Klinik Kesihatan Kampung Pandan complained that the frequent water disruption had led to them being turned away and asked to return another day for check-ups.

Some patients said they brought their own bottle of water to wash up and even skipped some checks when water was not available.

Speaking on behalf of the Titiwangsa Health Office, Dr Param Jeeth also said that the health office bought mineral water for patients for the Oral Glucose Tolerence Test.

For some clinical procedures, whether medical or dental, that cannot be carried out due to absence of water supply, he said patients would be referred to the nearest health or dental clinics.

“We are discussing and working closely with Syabas, Kuala Lumpur City Hall and the SPE developer to ensure there will be no further water disruption at the clinic,” Dr Param Jeeth added.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **KOSMO** |
| **TAJUK BERITA** | **SPAN beri amaran kepada Air Selangor** |
| **MUKA SURAT** | **12** |

# SPAN beri amaran kepada Air Selangor

**KUALA LUMPUR** – Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., (Air Selangor) yang bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) minggu hadapan diberi amaran agar menyelesaikan tugas itu dalam tempoh 84 jam seperti dijanjikan.

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Charles Santiago menegaskan, jika Air Selangor gagal berbuat demikian dalam masa ditetapkan, pihaknya akan mendesak Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari supaya merombak pengurusan tertinggi syarikat berkenaan serta-merta.

Sidang Dewan Rakyat

Charles berkata, meskipun SPAN sedia maklum gangguan bekalan air itu tidak dapat dielakkan demi kepentingan 758,570 akaun pengguna yang terjejas, beliau mahu Air Selangor lebih bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Selangor.

"Kerja-kerja penambahbaikan LRA SSP1 dijadualkan bermula 23 Julai ini dari pukul 9 pagi hingga 9 malam dan dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 84 jam.

"Sekiranya 758,570 akaun pengguna di tujuh wilayah yang terjejas tidak menerima bekalan air menjelang 9 malam pada 26 Julai ini, kami meminta Menteri Besar Selangor buat pertukaran pengurusan. Kami ambil perkara ini dengan serius. Ini satu amaran," katanya dalam sidang akhbar di Parlimen di sini semalam.

Beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang dan ibu negara akan mengalami gangguan bekalan air antara dua hingga empat hari bermula 23 Julai ini.

Terdahulu, Air Selangor dalam kenyataan kelmarin berkata, gangguan tersebut berpunca daripada kerja-kerja penambahbaikan di loji rawatan air dalam usaha meningkatkan kecekapan bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.




KERATAN *Kosmo!* semalam.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **KOSMO** |
| **TAJUK BERITA** | **70,000 dijangka hadir saksi saingan Piala Sultan Selangor 2019** |
| **MUKA SURAT** | **12** |

## 70,000 dijangka hadir saksi saingan Piala Sultan Selangor 2019

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

**SERAMAI** 70,000 penonton dijangka memenuhi Stadium Shah Alam, Selangor bagi menyaksikan perlawanan bola sepak Piala Sultan Selangor 2019 yang bakal berlangsung pada 24 Ogos ini.

Pengerusi Piala Sultan Selangor 2019, Tan Sri Abd. Karim Munisar berkata, beliau yakin sasaran tersebut bakal dicapai memandangkan sebelum tiket dijual, pihaknya sudah menerima banyak tempahan daripada pelbagai pihak.

"Semangat penyokong pasukan kita berkobar-kobar apatah lagi kita memenangi tiga trofi iaitu kategori bawah 16, veteran dan pilihan Selangor tahun lalu.

"Saya harap tahun ini kita dapat mengekalkan ketiga-tiga piala itu walaupun Singapura bersungguh-sungguh untuk membawa pulang piala berkenaan," katanya selepas Majlis Penyerahan Tiket Perlawanan Bola Sepak sempena Piala Sultan Selangor 2019 di Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) semalam.

Abd. Karim berkata, MBSA menjadi lokasi pertama promosi kejohanan tersebut, diikuti pihak berkuasa tempatan (PBT) lain di Selangor dan lokasi lain sepanjang dua minggu akan datang.

"Esok (hari ini) kami akan ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dan seterusnya Sepang, Klang dengan jelajah ini mengambil masa dua minggu.

"Sabtu ini saya akan bertemu semua persatuan penyokong dan pada 27 Julai pula, kempen promosi dengan orang awam," katanya.




ABD. KARIM (dua dari kiri) menyerahkan tiket kejohanan Piala Sultan Selangor kepada Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim di Wisma MBSA, Shah Alam semalam.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | UTUSAN MALAYSIA |
| **TAJUK BERITA** | AIR SELANGOR DIBERI AMARAN |
| **MUKA SURAT** | 7 |

# Air Selangor diberi amaran

Oleh **AFIQ MOHD. SHAH**
pengarang@utusan.com.my

SPAN
Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

■ **KUALA LUMPUR 17 JULAI**

SURUHANJAYA Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memberi amaran keras kepada Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) supaya menyelesaikan kerja-kerja penambahbaikan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (LRA SSP1) minggu hadapan dalam tempoh 84 jam seperti yang dijanjikan.

Sekiranya bekalan air tidak dapat dipulihkan dalam tempoh itu, Pengerusi SPAN, Charles Santiago menegaskan, suruhanjaya berkenaan akan mendesak Menteri Besar Selangor supaya merombak pengurusan tertinggi Air Selangor dengan serta-merta.



**CHARLES SANTIAGO**

Walaupun SPAN memahami gangguan tersebut tidak dapat dielakkan demi kepentingan pengguna, namun Charles mahu Air Selangor bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat Selangor.

"Kerja-kerja penambahbaikan dijadualkan bermula 23 Julai dari pukul 9 pagi hingga 9 malam dan dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 84 jam.

"Oleh itu, sekiranya 758,570 akaun pengguna di tujuh wilayah yang terjejas tidak menerima bekalan air menjelang 9 malam pada 26 Julai, kami meminta Menteri Besar Selangor buat pertukaran pengurusan. Kami ambil perkara ini dengan serius," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang dan ibu negara akan mengalami gangguan bekalan air antara dua hingga empat hari bermula 23 Julai ini.

Air Selangor dalam kenyataan semalam berkata, gangguan tersebut disebabkan kerja penambahbaikan di loji rawatan air untuk meningkatkan kecekapan bekalan air kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dalam pada itu, menurut Charles, kerja-kerja penambahbaikan LRA SSP1 itu mampu meningkatkan rizab air Selangor ke tahap 8.7 peratus menjelang penghujung tahun ini berbanding hanya dua peratus ketika ini.

"Proses penyelenggaraan ini perlu dilakukan. Sama seperti kereta kita yang perlu diselenggara setiap 5,000 kilometer sekali, begitu juga dengan loji rawatan air ini," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | UTUSAN MALAYSIA |
| **TAJUK BERITA** | SISA KUMBAHAN PUNCA PENCEMARAN SUNGAI KAYU ARA |
| **MUKA SURAT** | 46 |

# Sisa kumbahan punca pencemaran Sungai Kayu Ara

**SHAH ALAM 17 Julai** – Air sisa kumbahan dari loji Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) dipercayai menjadi punca pencemaran yang menyebabkan ratusan ikan mati di Sungai Kayu Ara, Petaling Jaya dekat sini Sabtu lepas.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata ia berikutan bacaan Ammoniakal Nitrogen (AN) yang tinggi hasil daripada pensampelan.

"Pada 13 Julai (Sabtu) lepas, saya telah menerima aduan berlakunya pencemaran dan beratus-ratus ekor ikan ditemui mati di Sungai Kayu Ara berhampiran Kampung Cempaka, Petaling Jaya dan saya telah arahkan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) untuk mengambil tindakan segera.

"LUAS telah menjalankan siasatan dan mengambil pensampelan bermula dari hulu sehingga hilir mengikut air sungai mengalir, dan pemantauan udara mendapati keadaan sungai di titik hulu tiada bangkai ikan ditemui, bagaimanapun, bangkai ikan ditemui mengalir bermula dari hulu sehingga ke hilir sungai.

"Berdasarkan keputusan pensampelan berkenaan didapati, bacaan AN di hulu sungai, di sekitar kawasan Taman Mayang adalah tinggi dan ia berkemungkinan daripada effluen loji rawatan kumbahan," katanya dalam satu kenyataan di sini. Tambah Hee sampel air sungai berkenaan juga telah dihantar kepada Jabatan Kimia bagi tujuan saringan parameter logam dan logam berat.

Kata Hee tindakan undang-undang akan diambil melalui Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 yang merupakan perundangan subsidiari di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Katanya lagi pihaknya telah mengarahkan kerja-kerja pembersihan sungai dijalankan oleh kontraktor dan dianggarkan terdapat enam buah loji IWK di sepanjang Sungai Kayu Ara.–BERNAMA



**SISA kumbahan dipercayai menjadi punca ikan mati di Sungai Kayu Ara, Sabtu lalu.**

# KERATAN AKHBAR
# 18 JULAI 2019 (KHAMIS)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | SINAR HARIAN |
| **TAJUK BERITA** | PADAT ANJUR PERTANDINGAN TARIAN TRADISIONAL |
| **MUKA SURAT** | 34 |

## Padat anjur pertandingan tarian tradisional

**SHAH ALAM** – Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan menganjurkan Pertandingan Ekspresi Tari Selangor 2019 di Teater Shah Alam di sini 28 Julai ini.

Pertandingan bermula jam 8 pagi dan majlis penutup akan berlangsung pada jam 8.30 malam.

Orang ramai dijemput hadir menyaksikan pertandingan yang dianjurkan bagi menggilap bakat dalam bidang tarian tradisional itu.

Pertandingan Ekspresi Tari Selangor 2019 terbuka kepada kategori sekolah rendah, sekolah menengah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Majlis penyampaian hadiah akan disempurnakan Exco Kebudayaan, Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan merangkap Pengerusi Padat, Datuk Abdul Rashid Asari,

Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi talian 03-55190050 atau melayari www.padat.gov.my.




Orang ramai dijemput hadir ke Pertandingan Ekspresi Tari Selangor 2019 berlangsung di Teater Shah Alam 28 Julai ini.